

PM akan mula lawatan untuk sokong calon BN

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Selasa — Presiden UMNO dan Pengerusi Barisan Nasional, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan memulakan lawatan ke beberapa negeri, termasuk Sabah dan Sarawak bagi menyokong calon-calon BN dalam kempen pilihanraya Jumaat ini, sehari selepas penamaan calon.

Besar kemungkinan Perdana Menteri akan ke Johor sebelum melawat Sabah dan Sarawak.

Negeri-negeri lain yang bakal dilawati oleh Datuk Seri Dr. Mahathir dan tarikh-tarikh lawatan tersebut masih belum ditetapkan.

Bagaimanapun, menurut Pengarah Pilihanraya Barisan Nasional, Encik Ghafar Baba, Perdana Menteri dan Timbalannya, Datuk Musa Hitam akan membahagikan tempat dan masa lawatan tersebut.

Encik Ghafar sendiri akan melawat ke beberapa tempat di Semenanjung untuk memastikan kemenangan calon-calon BN.

Katanya, antara tempat yang akan dilawatinya termasuk kawasan pilihanraya Parlimen Permatang Pauh di Pulau Pinang di mana Encik Anwar Ibra-

him akan bertanding.

Kerusi Permatang Pauh dipegang oleh Haji Zabidi Ali dari PAS dan beliau diramalkan bertanding semula menentang Encik Anwar.

Encik Ghafar yakin kerusi Permatang Pauh yang jatuh ke tangan pembangkang dalam pilihanraya lalu akan dirampas oleh BN menerusi Encik Anwar.

Perubahan

Selain Permatang Pauh, Encik Ghafar yang akan mempertahankan kerusi Parlimennya di Jasir, akan menumpukan perhatian terhadap kawasan Parlimen Damansara dan Parit Buntar.

Barisan Nasional meletakkan Encik Tan Koon Swan, bekas Ahli Parlimen Raub, di Damansara dan Encik Ghafar juga yakin kawasan yang dipegang oleh DAP ini akan kembali kepada BN.

Calon BN di kawasan Parit Buntar, Encik Abdul Rahman Sulaiman, ialah seorang muka baru.

Mengenal peluang kerusi Parlimen Segamat yang akan ditandingi oleh Timbalan Presiden MIC, Encik S. Subramaniam, Encik Ghafar yakin kerusi tersebut yang dulunya diwakili oleh Presiden MCA, Datuk Lee San Choon, adalah 'amat selamat'.